

D695

U 8998 DEB
MAHATHIR - PELABURAN R R R

PULAU PINANG, 15 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KHUATIR KESTABILAN POLITIK DAN IKLIM PELABURAN AKAN TERJEJAS JIKA KERAJAAN MENGADAKAN SEMAKAN PERLEMBAGAAN SEBAGAIMANA DIDESAK OLEH KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU.

DALAM SATU-SATU SEMAKAN, TENTUNYA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA AKAN MENYUARAKAN DESAKAN YANG AGAK EKSTRIM YANG PASTINYA MENGGUGAT KESTABILAN POLITIK DAN IKLIM PELABURAN YANG DINIKMATI SEKARANG, KATANYA.

TIDAK MUSTAHIL MISALNYA GOLONGAN BUMIPUTERA TERTENTU MAHUKAN KERAKYATAN DITARIK BALIK DAN BUKAN BUMIPUTERA PULA MAHUKAN HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU DIHAPUSKAN, TAMBAHNYA.

SEMASA BERCAKAP PADA SIDANG AKHBARNYA DI SINI HARI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBAGAI NEGARA YANG MENGAMALKAN KEBEBASAN BERSUARA, SEMUA PIHAK BOLEH MENGELUARKAN PENDAPAT MEREKA TERMASUK MEMBUAT TUNTUTAN YANG EKSTRIM SUPAYA DIMASUKKAN DALAM PERLEMBAGAAN BARU.

JIKA INI BERLAKU SUDAH PASTI KESTABILAN YANG DINIKMATI SEKARANG AKAN TERJEJAS DAN MENGAKIBATKAN PELABUR TIDAK MAHU LAGI MENANAM MODAL DI NEGARA INI, KATANYA, -- LAGI.

1255MST 15 09 87

U 8999 DEB
MAHATHIR - PELABURAN 2 PULAU PINANG R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA PENDAPAT KERAJAAN, SEMAKAN YANG DIDESAK TIDAK PERLU DILAKUKAN PADA MASA INI.

KATANYA, JIKA ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG INGIN MENCADANGKAN PINDAAN PADA MANA-MANA BAHAGIAN PERLEMBAGAAN BOLEHLAH MENGEMUKAKAN KEPADA KERAJAAN UNTUK DIPERTIMBANGKAN.

+KITA MAMPU MEMBUAT APA-APA PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN KERANA BARISAN NASIONAL MEMPUNYAI MAJORITI DUA PERTIGA DALAM DEWAN RAKYAT,+ KATANYA KETIKA MENJAWAB SATU SOALAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK BERHASRAT UNTUK MENINDAS MANA-MANA GOLONGAN MINORITI DI NEGARA INI, SEBALIKNYA MEREKA BEBAS BERSUARA DAN MENGEMUKAKAN APA JUA PANDANGAN MEREKA.

+TETAPI APABILA PANDANGAN MEREKA ITU TIDAK DITERIMA OLEH PIHAK MAJORITI, SEWAJARNYALAH PERKARA YANG DIBAWA ITU SELESAI DI SITU SAHAJA,+ KATANYA.

SEPATUTNYA MEREKA TIDAK HARUS DIBERI TEMPAT DALAM RUANGAN-RUANGAN AKHBAR UNTUK TERUS MENDESAK ISU YANG MEREKA TIMBUKAN TETAPI TELAH DITOLAK OLEH MAJORITI. MEREKA YANG MENDESAK SEKARANG TIDAK MEWAKILI SESIAPAPUN, TEGASNYA. -- LAGI.

1301MST 15 09 87

U 8006 DEB
MAHATHIR - PELABURAN 3 PULAU PINANG

KEPADA SOALAN LAIN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU YAKIN PERKEMBANGAN POLITIK SEKARANG TIDAK MENIMBULKAN KERESAHAN DI KALANGAN PELABUR ASING DI SINI DAN BAKAL PELABUR.

KATANYA TIDAK ADA SEBAB IKLIM PELABURAN DI NEGARA INI TERJEJAS DENGAN APA YANG BERLAKU DALAM UMNO DAN PERSELISIHAN FAHAM ANTARA KOMPONEN BARISAN NASIONAL SUNGGUHPUN BURSA SAHAM TEMPATAN MEMANG MUDAH TERJEJAS WALAUPUN DENGAN KHABAR-KHABAR ANGIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DALAM SIRI LAWATANNYA KE SELURUH NEGARA, BELIAU TELAH MENASIHATI PARTI-PARTI KOMPONEN BN SUPAYA MENYELESAIKAN APA-APA MASALAH MENERUSI RUNDINGAN DAN TIDAK DENGAN MENGELUARKAN KENYATAAN AKHBAR.

BELIAU PERCAYA PELABURAN ASING TIDAK MUDAH TERPENGARUH DENGAN BERITA-BERITA YANG TERSEBAR KERANA MEREKA TENTUNYA MEMBUAT PENILAIAN MENDALAM SEBELUM DATANG MELABUR DI NEGARA INI.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, SYARIKAT AUDIO SONY CORPORATION MEMILIH MALAYSIA UNTUK PELABURANNYA SELEPAS MENINJAU BEBERAPA NEGARA LAIN KERANA NEGARA INI STABIL DAN IKLIM PELABURANNYA BAIK. -- BERNAMA.

1324MST 15 09 87